

## **AMDI Newsletter/AMDI Magazine POLISI PENGIKLANAN**

### **Pengenalan**

IPPT, USM telah merangka dan menetapkan garis panduan untuk memastikan Pengiklanan yang diterima masuk untuk diiklankan dalam AMDI Newsletter/AMDI Magazine, laman sesawang dan apa-apa jenis aplikasi yang disasarkan untuk pengguna diselia dan dikawal mutu pengeluaran sepenuhnya oleh IPPT, USM dari segi kandungan yang ingin dipaparkan, cara dan gaya serta stil pengiklanan tersebut, penolakan terhadap pengiklanan yang telah diterima masuk dan pengeluaran pengiklanan yang telah dipaparkan atas sebab-sebab munasabah dan atau difikirkan patut oleh IPPT, USM.

### **Definisi Pengiklanan**

“Pengiklanan” yang dinyatakan dalam polisi ini selepas ini adalah dirujuk sepenuhnya kepada pengiklanan yang akan, sedang dan telah diiklankan dimana-mana bahagian dalam AMDI Newsletter/AMDI Magazine oleh pihak ketiga dan/atau pengiklan.

### **Pindaan**

IPPT, USM diberi kuasa mutlak yang tidak boleh disangkal pada bila-bila masa dengan menggunakan budi bicara untuk menyelesaikan dan memberi keputusan akhir terhadap mana-mana isu yang dibangkitkan berkaitan Pengiklanan di AMDI Newsletter/AMDI Magazine.

IPPT, USM adalah berhak sepenuhnya untuk meminda dan menambah baik mana-mana terma dalam polisi ini pada bila-bila masa dengan mengeluarkan polisi baru tanpa perlu berbincang dan mendapat persetujuan dari mana-mana pihak ketiga dan/atau pengiklan.

IPPT, USM adalah berhak dan diberi kuasa mutlak sepenuhnya untuk menentukan jenis Pengiklanan yang akan diterima untuk dipaparkan pada mana-mana ruangan di AMDI Newsletter/AMDI Magazine dan pada masa yang sama berhak sepenuhnya untuk menolak mana-mana jenis pengiklanan yang tidak sesuai untuk dipaparkan mengikut budi bicara IPPT, USM sepenuhnya tanpa perlu memberikan apa-apa penerangan dan/atau alasan serta justifikasi ke arah tindakan tersebut.

Segala jenis pengiklanan yang mempunyai unsur-unsur yang boleh mengelirukan pengguna/pembaca atau mana-mana pengiklanan pada pandangan IPPT, USM adalah tidak bermanfaat, tidak memenuhi keperluan serta kandungannya tidak tepat atau yang dikategorikan oleh IPPT, USM sebagai tidak sesuai boleh diketepikan dan tidak diterima masuk untuk diiklankan.

### **Pengiklanan yang tidak diterima**

Antara Jenis pengiklanan yang tidak akan dipapar pada mana-mana keluaran AMDI Newsletter/AMDI Magazine dan ianya tidak hanya terhad pada apa yang dinyatakan secara spesifik di sini, malah boleh merangkumi jenis-jenis pengiklanan lain yang dirasakan tidak bersesuaian dan menepati kehendak dan tujuan pengiklanan IPPT, USM:

- Produk yang secara jelasnya tidak sah, diragui, tidak sahih, tidak dibenarkan, tidak berkesan, berbahaya dan bercanggah dengan mana-mana peruntukan undang-undang (IPPT, USM berhak menentukan apa yang ‘tidak dibenarkan’, ‘tidak berkesan’ dan/atau ‘berbahaya’).
- Produk yang mengandungi bahan dan/atau kandungan yang berunsur penipuan, mengelirukan dan/atau menyinggung mana-mana individu, pihak-pihak berkenaan, syarikat, koperasi dan yang berkaitan dengannya
- Produk yang memberi gambaran tidak tepat, salah dan tidak boleh diterima, mengejek, mendiskriminasi (samaada secara tersurat atau tersirat) atau berunsur menyerang mana-mana individu dan/atau kumpulan dari sudut usia, kaum, bangsa, agama, jantina, seksual, status perkahwinan, kecacatan atau status-status lain yang dianggap tidak bersesuaian untuk AMDI Newsletter/AMDI Magazine.
- Mana-mana pengiklanan yang berkaitan dengan Alkohol.
- Mana-mana pengiklanan yang melibatkan penggunaan dan berunsur mempengaruhi pengguna ke arah menggunakan, membeli, menjual dan apa-sahaja yang berkaitan dengan senjata, bahan api, peluru, mercun.
- Mana-mana pengiklanan yang mempunyai unsur perjudian.
- Mana-mana pengiklanan yang melibatkan pornografi atau yang berkaitan dengannya.
- Mana-mana pengiklanan yang melibatkan penggunaan tembakau.
- Simulasi berita atau kecemasan.
- Mana-mana pengiklanan yang memaparkan produk atau servis yang tidak dapat diterima akal, tidak mungkin atau luar biasa
- Kandungan media atau mesej yang terlalu menyerlah atau menyala.
- Kandungan media atau mesej yang mengandungi “keajaiban” seperti hilang berat badan atau pengubatan yang lain dan berunsur mempengaruhi
- Pengiklanan yang melangkaui ruang pengiklanan atau mengganggu kandungan serta menjejas kebolehbacaan kandungan lain.
- Pengiklanan yang meniru fungsi komputer atau secara penipuan menunjukkan komputer atau fungsi lain yang wajar bagi pengguna untuk menganggapnya sebagai alasan untuk mengklik aplikasi atau link berkaitan yang dipaparkan.

### Tanggungjawab IPPT, USM

IPPT, USM bertanggungjawab sepenuhnya dan akan berusaha memastikan semua kandungan pengiklanan di ruangan AMDI Newsletter/AMDI Magazine akan dikawal pengeluarannya supaya tujuan sebenar pengiklanannya adalah dapat difahami dengan jelas tanpa ada maksud yang mengelirukan dan tersirat serta boleh ditafsirkan ke arah membawa maksud yang lain dan atau tidak sepatutnya.

Klik pada Pengiklanan hanya boleh menghubungkan pengguna akhir ke laman web pihak ketiga atau ke kandungan tajaan yang relevan di AMDI Newsletter/AMDI Magazine

IPPT, USM berhak untuk menerima, menolak, membatal, mengeluarkan atau membuang pada bila-bila masa mana-mana Pengiklanan dari ruangan AMDI Newsletter/AMDI Magazine dengan alasan apa pun dan akan memaklumkan tindakan tersebut kepada pihak ketiga dan/atau pengiklan untuk makluman pengiklan sahaja.

IPPT, USM tidak bertanggungjawab atau tidak sesekali memberi jaminan bahawa mana-mana program atau komponen pengiklan akan berfungsi dengan baik pada setiap masa sepanjang pengiklanan tanpa ralat pada mana-mana platform, termasuklah laman web, peranti mudah alih dan aplikasi.

### **Tanggungjawab Pengiklan**

Adalah menjadi tanggungjawab Pengiklan sepenuhnya untuk memastikan pengiklan sentiasa bertindak mematuhi terma-terma yang dinyatakan dalam mana-mana bahagian polisi ini dan peruntukan undang-undang yang berkaitan khususnya undang-undang Malaysia dan segala peraturan domestik dan asing yang perlu dipatuhi secara am dan secara khususnya tanpa menegnepikan dan/atau tidak mengambil peduli tentang aspek-aspek penting ini termasuk tanpa batasan garis panduan KKM semasa untuk Pengiklanan.

IPPT, USM tidak akan memantau kepatuhan terhadap mana-mana peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Walau bagaimanapun, IPPT, USM berhak untuk meninjau semua Pengiklanan pada bila-bila masa yang IPPT, USM rasakan patut bagi memastikan pengiklan mematuhi peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dan, jika IPPT, USM mendapati adanya pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran undang-undang atau peraturan yang berkaitan atau mana-mana terma polisi ini, IPPT, USM adalah berhak dan diberi kuasa mutlak untuk membatalkan, menolak, mengeluarkan serta menghapuskan sepenuhnya Pengiklanan tersebut dari AMDI Newsletter/AMDI Magazine.

**Dikemaskini pada: 19 Ogos 2022**